

Jangan sabotaj Bank Islam: Razaleigh

MENTERI Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, mengingatkan semua pihak, termasuk bukan Islam, jangan sekali-kali melakukan sebarang bentuk sabotaj atau penghinanan terhadap usaha penubuhan Bank Islam.

Dengan nada tegas, beliau berkata penubuhan bank itu terbit dari hasrat suci murni semua umat Islam serta kesedaran kerajaan mengenai tanggungjawabnya dalam menegakkan hukum-hukum Allah.

Kepada golongan bukan Islam, beliau memberi jaminan penubuhan Bank Islam di Malaysia tidak akan menjejaskan kedudukan mereka, sebaliknya mereka akan memperoleh manfaat darinya.

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Bank Islam 1982 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat semalam, Tengku Razaleigh menaekakan:

"Penubuhan Bank Islam terbit dari hasrat suci murni semua umat Islam serta kesedaran kerajaan mengenai tanggungjawabnya bagi menegakkan hukum-hukum Allah di negara ini.

"Saya mengharapkan sokongan penuh dari semua pihak, dan yang lebih penting, hendaklah jangan ada sabotaj atau penghinanan dalam apa jua bentuk kepada usaha mulia ini, sama ada dari golongan bukan Islam ataupun dari kalangan umat Islam sendiri.

Punca kewangan

"Kepada semua golongan bukan beragama Islam, sukalah saya menaekakan penubuhan Bank Islam sama sekali tidak akan menjejaskan kedudukan mereka.

"Sebaliknya, mereka juga akan beroleh manfaat dari penubuhan bank ini. Agama Islam adalah agama yang liberal dan membawa nilai-nilai hidup yang bersifat universal."

Tengku Razaleigh menambah, orang-orang bukan Islam tidak akan dilarang bekerja dengan Bank Islam yang bakal ditubuhkan atau berurus niaga dengannya, selagi cara-cara perjalanan bank itu dipatuhi.

Oleh itu, tambahnya, penubuhan Bank Islam hendaklah dianggap sebagai usaha mengadakan satu lagi peluang urus niaga bank bagi semua penduduk negara ini, sama ada di segi membuat simpanan atau mendapatkan punca kewangan, untuk membuat pelaburan.

"Kerajaan mempunyai azam dan perancangan yang terperinci untuk memperkenalkan dan menyempurnakan unsur-unsur Islam dalam sistem kewangan di negara ini.

"Penubuhan Bank Islam menjadi bibit atau benih yang amat penting dalam usaha ini. Ini adalah kerana Bank Islam yang akan ditubuhkan itu adalah institusi bank perundangan, yang menjadi nadi sistem kewangan sesebuah negara.

"Hampr tidak ada sebahapun Bank Islam yang ditubuhkan di negara lain setakat ini, yang mempunyai

penglibatan dan sokongan penuh kerajaan seperti yang diberikan kepada Bank Islam yang akan ditubuhkan di negara ini," katanya.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata, kerajaan mempunyai perancangan yang teliti dan dengan itu Bank Islam menghendaki sokongan dari semua pihak demi menjamin kejayaannya.

Pemegang saham

Menteri kewangan menjelaskan Bank Islam akan mempunyai modal dibayar sebanyak \$100 juta.

Mengenai pemegang saham bank itu, beliau berkata, penyeriaan terbesar sebanyak \$30 juta akan diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Sebanyak \$25 juta akan dipegang oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, \$10 juta oleh Tabung Haji dan \$5 juta lagi Perkim.

"Selain itu, perbadanan-perbadanan agama negeri

seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri serta perbadanan peringkat keselamatan seperti FELDA dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera serta badan-badan lain yang layak akan sama-sama memiliki \$30 juta lagi," kata beliau.

Tengku Razaleigh menambah, salah satu sifat Bank Islam yang terpenting ialah penghapusan pembayaran dan penerimaan faedah.

Menurutnya, operasi Bank Islam akan berlandaskan konsep-konsep urus niaga yang telah ditetapkan oleh syarak. Antaranya termasuk:

- Wadi'ah, iaitu kaedah dan perjanjian bagi menyimpan wang dalam lagan bank;

- Mudharabah, kaedah dan perjanjian antara pemilik modal dan pengusaha, di mana pemilik modal bersetuju membiayai sepenuhnya sesuatu projek perniagaan atau aktiviti pelaburan dan pengusaha bersetuju mengusahakannya secara berkongsi untung-rugi dengan nisbah pembahagian untung-rugi dipersetujui bersama terlebih dahulu.